

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semasa Cuti Panjang  
Sidang Akademik 1998/99

April 1999

APW302 – SISTEM MAKLUMAT PENGURUSAN

Masa: [ 3 jam ]

---

**ARAHAN**

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA (3)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **LIMA (5)** soalan. Soalan daripada Bahagian A adalah **WAJIB**. Pilih **EMPAT (4)** soalan daripada Bahagian B. **PASTIKAN ANDA MENULIS ANGKA GILIRAN.**

**Bahagian A (WAJIB)**

Soalan 1

- (a) Huraikan dengan ringkas dan jelas tentang pelbagai jenis sistem maklumat yang dibangun dan digunakan dalam pelbagai bentuk organisasi. Tumpukan perbincangan ke atas perbezaan yang didapati di antara sistem-sistem maklumat ini.
- (b) Bincangkan dengan jelas tentang bagaimana proses pengurusan telah berubah. Berkaitan dengan isu ini huraikan apakah peranan yang telah dimainkan oleh teknologi maklumat.

[ 20 markah ]

**Bahagian B**

*Pilih EMPAT (4) soalan sahaja.*

Soalan 2

- (a) Bincangkan dengan jelas mengapa organisasi memutuskan bahawa ianya perlu untuk membangunkan sistem pengurusan pangkalan data (DBMS). Selanjutnya huraikan tentang pelbagai kelebihan yang berupaya diberikan oleh sistem ini jika ianya dibangun dan ditadbir dengan sempurna.

...2/-

- (b) Beri huraian yang jelas tentang kebaikan dan kekurangan yang berkaitan dengan tiga model utama pangkalan data. Dalam keadaan manakah setiap model ini sesuai digunakan?

[ 20 markah ]

Soalan 3

- (a) Dengan menggunakan gambarajah yang sesuai di mana perlu, bincangkan dengan jelas tentang empat (4) pendekatan alternatif yang boleh digunakan untuk membangunkan sistem maklumat. Beri penumpuan ke atas isu-isu utama yang disarankan oleh setiap pendekatan.
- (b) Apakah "outsourcing" dan di bawah keadaan bagaimanakah ianya patut digunakan untuk membangunkan sistem maklumat? Selanjutnya bincangkan apakah kelebihan dan kekurangan daripada pendekatan ini.

[ 20 markah ]

Soalan 4

- (a) Apakah sistem kendalian untuk satu komputer dan apakah yang ia jalankan?
- (b) Bincangkan mengapa pemilihan sesuatu sistem kendalian itu merupakan satu keputusan pengurusan yang penting.

[ 20 markah ]

Soalan 5

- (a) Dengan menggunakan gambarajah yang sesuai huraikan tentang perkomputeran berpusat, persendirian dan teragih. Dalam keadaan atau persekitaran manakah setiap bentuk perkomputeran ini sesuai?
- (b) Bincangkan dengan jelas mengapakah ianya sukar untuk mendapat dan mempertahankan kelebihan saingan daripada sistem maklumat. Gunakan contoh-contoh sesuai jika difikirkan perlu.

[ 20 markah ]

...3/-

Soalan 6

- (a) Internet sering dikaitkan sebagai satu sumber penggunaan yang boleh dimanfaatkan oleh organisasi. Bincangkan tentang bagaimanakah keupayaan teknologi ini boleh memberikan faedah kepada banyak organisasi dan sebaliknya apakah pula tiga masalah utama berkenaan dengannya?
- (b) Apakah keperluan maklumat? Mengapakah ianya susah untuk menetapkan keperluan maklumat dengan tepat?

[ 20 markah ]

-----ooo000ooo-----